

Kaji iktiraf kolej swasta kampus francais UiTM

Oleh NORIZAN ABDUL MUHD
dan THOMAS CHONG

UM 28/11/08

**Semua tempat boleh dijadikan
francais UiTM tetapi adakah kolej-
kolej swasta ini mampu melahirkan
pelajar Melayu UiTM yang berkualiti
seperti yang diharapkan**

**MURAD
MOHD. NOR**
Bekas Ketua
Pengaruh
Pelajaran

KUALA LUMPUR 27 Nov. – Beberapa tokoh pendidikan negara meminta kerajaan mengkaji semula kewajaran mengiktiraf kolej swasta sebagai kampus francais Universiti Teknologi Mara (UiTM) kerana kurang yakin dengan kemampuan kolej swasta terbabit.

Bekas Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Murad Mohd Nor berkata, pengiktirafan kolej-kolej tersebut tidak akan membawa sebarang maksud sekiranya pengurusan kolej itu tidak melaksanakan apa yang dihasratkan oleh kerajaan.

“Semua tempat boleh dijadikan francais UiTM tetapi adakah kolej-kolej swasta ini mampu melahirkan pelajar Melayu UiTM yang berkualiti seperti yang diharapkan kerajaan.

“Saya bimbang sekiranya perkara

ini menjadi seperti ungkapan ‘tangkap muat’ hanya kerana kita mahu lebih ramai Melayu belajar di UiTM pada masa akan datang,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai langkah kerajaan mengiktiraf sejumlah kolej swasta sebagai kampus francais UiTM bagi membantu pusat pendidikan awam itu mencapai sasaran jumlah pelajar seramai 200,000 orang menjelang tahun 2010.

Utusan Malaysia sebelum ini pernah menyiarkan kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri

Najib Tun Razak mengenai keputusan kerajaan untuk menambah pelajar UiTM kepada 200,000 orang dalam usaha memacu minda generasi muda Melayu.

Murad berkata, sekiranya kerajaan ingin meneruskan rancangan itu, agensi di bawahnya perlu melantik kolej swasta yang terbaik dan berkemampuan melaksanakan tanggungjawab tersebut.

Kata beliau, dia tidak menolak atau membangkang rancangan kerajaan itu tetapi berpendapat adalah lebih baik sekiranya rancangan itu dikaji semula secara terperinci terutama dalam aspek pelaksanaannya

secara menyeluruh.

“Saya memuji inisiatif kerajaan ini yang bersungguh-sungguh untuk menambah pelajar Melayu di UiTM tetapi ada perkara lain yang perlu dikaji dengan mendalam agar pelaksanaannya tidak sia-sia,” ujarnya.

Sementara itu, pengasas yang juga bekas Naib Canselor Pertama Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Tan Sri Ainuddin Abdul Wahid berkata, kerajaan perlu meneliti semula setiap aspek berkaitan rancangan tersebut bagi memastikan ia berjalan lancar.

“Apa yang lebih penting, kita bukan sahaja ingin kuantiti, malah pada masa yang sama menekankan kualiti.

“Ini bermakna, kita bukan sahaja mahu lebih ramai pelajar Melayu di UiTM tetapi kita mahu pelajar tersebut juga berkualiti dan menepati keperluan pasaran pekerjaan semasa,” katanya.